

Kesan Pentadbiran Barat Terhadap Ekonomi dan Sosial

Bahagian A

Jawab semua soalan.

6.1 Pengenalan Ekonomi Moden oleh Kuasa Barat di Negara Kita

- 1 Apakah bahan galian yang dilombong oleh British di Tanjung Kubong, Labuan?
- Emas
 - Tembaga
 - Bijih timah
 - Arang batu

(BT ms. 138)

- 2 Apakah ciri-ciri ekonomi moden yang diperkenalkan oleh British?

- Tanah yang luas
- Bersifat sara diri
- Pembukaan tanah terbiar
- Penggunaan teknologi moden

- I dan II
- I dan IV
- II dan III
- III dan IV

(BT ms. 138)

- 3 Maklumat berikut berkaitan dengan kegiatan perlombongan semasa pentadbiran British di Tanah Melayu.

1888

Membuka lombong bijih timah bawah tanah yang terpanjang di dunia

Lombong bijih timah tersebut terletak di

- Ampang
- Lembah Kinta
- Kuala Lumpur
- Sungai Lembing

(BT ms. 139)

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan lokasi pertanian komersial yang dijalankan di Sarawak.

Kawasan sekitar Kuching-Serian dan Sarikei-Maredong merupakan kawasan penanaman tanaman X

X ialah

- tebu
- ubi kayu
- lada hitam
- kelapa sawit

(BT ms. 140)

- 5 Siapakah yang memperkenalkan teknik torehan sistem tulang ikan hering?

- T.B. Harris
- H.N. Ridley
- Cowie Harbour
- Rutherford Alcock

(BT ms. 143)

6.2 Pentadbiran Barat Berkaitan dengan Ekonomi

- 6 Antara yang berikut, yang manakah benar tentang Akta Tanah Simpanan Melayu?

- Residen boleh mengisytiharkan mana-mana tanah dalam sesebuah negeri sebagai hak orang Melayu
- Pegawai Daerah bertanggungjawab menjaga hak milik tanah peribumi
- Tanah tersebut dibahagikan kepada kawasan tanah campuran
- Tanah tersebut tidak boleh dijual kepada orang bukan Melayu

- I dan II
- I dan IV
- II dan III
- III dan IV

(BT ms. 146)

- 7 British membawa buruh dari India menggunakan sistem Kangani.

Apakah yang dimaksudkan dengan sistem Kangani?

- Mandur
 - Penyelia
 - Pemimpin
 - Ketua Kampung
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

(BT ms. 147)

- 8 Apakah bidang tugas Jabatan Pertanian yang ditubuhkan oleh British pada tahun 1905?

- Menyediakan tenaga buruh
- Membuat penyelidikan tanaman
- Menyediakan pakar teknikal
- Meningkatkan sistem pengairan tanaman

- I dan II
- I dan IV
- II dan III
- III dan IV

(BT ms. 148)

- 9 Apakah bidang perniagaan yang dijalankan oleh Syarikat Commercial Union (1919)?

- Insurans
- Pertanian
- Kesihatan
- Perbankan

(BT ms. 149)

- 10 Maklumat berikut menunjukkan sebuah bank yang ditubuhkan oleh British.

Ban Hin Lee Bank

Di manakah lokasi bank tersebut ditubuhkan?

- A Pulau Pinang
- B Terengganu
- C Selangor
- D Melaka

BT ms. 149

6.3 Kesan Ekonomi Akibat Pentadbiran Barat di Negara Kita

- 11 Di manakah lokasi yang menjadi tumpuan pembinaan landasan kereta api di Sabah?
- A Pedalaman Sabah
 - B Pantai utara Sabah
 - C Pantai barat Sabah
 - D Kawasan selatan Sabah

BT ms. 151

- 12 Jadual berikut berkaitan dengan pentadbiran SBUB di Sabah.

Tahun	Peristiwa
1896	Pembinaan landasan kereta api di Sabah yang terletak kira-kira 13 kilometer dari Weston

Pembinaan landasan kereta api tersebut dilakukan di

- A Bukau
- B Tenom
- C Beaufort
- D Jesselton

BT ms. 151

- 13 Mengapakah sukar untuk membina jalan raya di Sarawak?

- I Bentuk muka bumi
 - II Kaya dengan sumber
 - III Penduduk yang padat
 - IV Kos membina jalan raya yang tinggi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

BT ms. 151

- 14 Maklumat berikut merujuk penerbangan perkhidmatan awam.

Diperkenalkan oleh Syarikat Wearne Air Service pada tahun 1937

Syarikat tersebut menjalankan perkhidmatan penerbangan domestik di

- I Sarawak
 - II Terengganu
 - III Pulau Pinang
 - IV Kuala Lumpur
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

BT ms. 152

- 15 Apakah bandar pelabuhan terpenting di Tanah Melayu?

- I Pelabuhan Kedah
 - II Pelabuhan Labuan
 - III Pelabuhan Melaka
 - IV Pelabuhan Pulau Pinang
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

BT ms. 153

6.4 Kesan Sosial Akibat Perkembangan Ekonomi di Negara Kita

- 16 Maklumat berikut berkaitan dengan perkembangan bandar di Sarawak.

Bandar X dijadikan sebagai ibu negeri Sarawak pada tahun 1841 oleh James Brooke

Apakah bandar X?

- A Bau
- B Miri
- C Sibul
- D Kuching

BT ms. 155

- 17 Maklumat berikut merujuk bandar yang muncul pada akhir abad ke-19.

Jesselton

Apakah faktor yang membawa kepada perkembangan bandar tersebut?

- A Pembinaan pelabuhan
- B Perladangan kelapa sawit
- C Perlombongan bijih timah
- D Pembinaan landasan kereta api

BT ms. 155

- 18 Institut Penyelidikan Perubatan telah ditubuhkan di Kuala Lumpur pada tahun 1900.

Apakah tujuan pembinaannya?

- A Merawat buruh asing
- B Merawat penyakit taun
- C Menghasilkan ubat denggi
- D Mengkaji penyakit beriberi

BT ms. 161

- 19 Mengapakah Hospital Raja Brooke Memorial dibina di Sarawak pada tahun 1925?

- A Penempatan pesakit kusta
- B Merawat penyakit malaria
- C Menghasilkan ubat kepialu
- D Menempatkan pesakit taun dalam kalangan warga asing

BT ms. 162

- 20 Maklumat berikut berkaitan dengan langkah yang dilakukan oleh pentadbiran British.

Penjara Cornwallis menjadi petempatan banduan dari India

Di manakah lokasi penjara tersebut?

- A Melaka
- B Pahang
- C Selangor
- D Pulau Pinang

BT ms. 163